

Perkampungan budaya dibina di ibu negara 2007

um-6/11/2006

KUALA LUMPUR 5 Nov. – Sebuah perkampungan budaya bertaraf antarabangsa akan diwujudkan di ibu negara tahun depan bagi menghimpunkan seni, budaya dan warisan masyarakat negara ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, perkampungan itu bakal menjadi pusat tumpuan kebudayaan dari seluruh negara.

Beliau berkata, kementeriannya sedang merancang dengan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique bagi menentukan lokasi pembinaan pusat tersebut.

“Keluasan pusat itu dianggarkan lebih kurang 12 hektar dan buat sementara

lokasinya masih dirahsiakan bagi mengelakkan spekulasi hartanah.

“Kos pembinaannya pula akan diumumkan tiga bulan dari sekarang atau lewat-lewatnya pada Januari tahun hadapan,” kata Rais kepada *Utusan Malaysia* selepas menghadiri Majlis Hari Raya Aidilfitri Kraftangan Malaysia di sini hari ini.

Majlis itu turut meraikan kira-kira 80 anak yatim dari Pertubuhan Penyayang Al-Raudhah, Gombak dan Darul Atiq, Hulu Selangor.

Sebelum ini, kata Rais, kementeriannya merancang untuk membina perkampungan budaya di salah sebuah pusat rekrea-

si terkenal di Gombak tetapi ia terpaksa dibatalkan apabila pemiliknya tidak berhasrat bekerjasama bagi menubuhkan perkampungan itu.

Katanya, penubuhan perkampungan budaya penting kerana sebelum ini Malaysia tidak mempunyai sebuah pusat yang boleh menghimpunkan seni dan kebudayaan kecuali di Sabah.

“Walaupun terdapat pusat kebudayaan di negeri lain tetapi ia tidak besar dan hanya bersifat mini.

“Di Kuala Lumpur, pusat budaya seperti ini boleh dikatakan tidak ada dan jika ada sekalipun ia diuruskan seperti rojak,” ujarnya.

Pusat yang bakal ditubuhkan itu, menurut beliau, akan menonjolkan gambaran budaya Malaysia yang pelbagai termasuk masyarakat pribumi Sabah dan Sarawak.

“Asas budaya kita terdiri daripada pelbagai kaum dan kita tidak boleh sebut budaya satu etnik sahaja.

“Bagaimanapun, budaya tertentu seperti Melayu, Tionghua, etnik Sabah dan Sarawak mendapat tempat dalam masyarakat dan telah diterima umum,” jelasnya.

Rais menambah, pengumuman tentang pembinaan projek itu akan dibuat setelah Kementerian Wilayah Persekutuan memberikan jawapan berhubung cadangan tersebut.